



جامعة السلطان الشريفي علي الإسلامية

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang Semester III, Sesi Akademik 2014/2015

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus	: SC 0301
Nama Kursus	: Undang-Undang Keterangan di Mahkamah Syariah
Level Kursus	: Sijil
Masa	: 3 jam

Rujukan

Perintah Keterangan Mahkamah-Mahkamah Syariah 2001.

Nota:

Jawab empat (4) soalan sahaja

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SOALAN 1 (15 Markah)

1. Para ulama telah memberikan definisi *ikrar* dengan pelbagai pendekatan. Jelaskan. (3 markah)
2. Berikan dalil-dalil pensyariatan diterimanya *ikrar* sebagai salah satu cara pembuktian dalam Undang-Undang Keterangan Islam. (3 markah)
3. Bagaimanakah cara berikrar menurut Undang-Undang Keterangan Islam? (3 markah)
4. Berapakah bilangan *ikrar* dalam kes zina, mencuri dan minum arak? (3 markah)
5. Apakah kesan *ikrar*? (3 markah)

SOALAN 2 (15 Markah)

1. Jelaskan dalil-dalil pensyariatan keterangan dalam Islam. (5 markah)
2. Huraikan takrif dakwaan menurut pandangan para ulama. (5 markah)
3. Apakah syarat perkara yang didakwa? (5 markah)

SOALAN 3 (15 Markah)

1. Apakah pendapat ulama tentang *qarinah* sebagai salah satu cara pembuktian di mahkamah syariah? (6 markah)
2. Huraikan pengertian *qarinah* sebagai cara pembuktian di dalam Mahkamah Syariah Brunei Darussalam berdasarkan kepada peruntukan perundangan yang ada. (9 markah)

SOALAN 4 (15 Markah)

Adakalanya seseorang saksi menarik balik kesaksianya dengan mengatakan bahawa dia telah melakukan penipuan atau kesalahan dalam kesaksianya. Apakah kesan daripada penarikan balik kesaksian ini terhadap diri saksi-saksi itu dan pihak-pihak yang terlibat dalam dakwaan tersebut? Huraikan.

SOALAN 5 (15 Markah)

Jelaskan kaedah dan permasalahan Undang-Undang Keterangan Islam berikut:

1. Pada Asalnya Sifat Mendatang Tidak Wujud.
(3 Markah)
2. Kesaksian seorang saksi dan sumpah orang yang mendakwa.
(3 markah)
3. Syarat penerimaan kesaksian atau *Syurut al-Tahamul*.
(3 markah)
4. Kesaksian orang-orang bukan Islam.
(3 markah)
5. Pengertian 'adil'
(3 markah)

بالتوفيق والنجاح